

MQA PASTIKAN KUALITI PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA

Bernama News | Rencana/Laporan Khas | 13/01/2017 | Author: Wan Asmanizan Wan Ahmad Najib / NIZAN PR MMA CR

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Malaysia semakin mendapat tempat di hati pelajar luar negara dan mempunyai potensi menjadi hab pendidikan untuk mereka yang mahu menyambung pengajian daripada peringkat sijil hingga ijazah kedoktoran (PhD).

Sehingga Oktober 2016, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah memberi akreditasi penuh dan akreditasi sementara untuk 1,307 program akademik di seluruh negara.

Akreditasi MQA ini menjamin pelajar yang mahu mendapatkan pendidikan berkualiti di negara ini tidak menjadi mangsa penipuan.

Berdasarkan data yang diperoleh daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, sehingga November 2016, terdapat sebanyak 496 kolej dan universiti swasta di seluruh Malaysia yang menawarkan pelbagai program akademik.

Kebanyakan program yang ditawarkan telah mendapat kelulusan awal dan institusi pengajian tinggi itu juga telah diberi perakuan sebelum dibenar menawarkan program itu.

LATAR BELAKANG MQA

MQA yang ditubuhkan pada 1 Nov, 2007 di bawah Akta MQA 2007 sebelum ini dikenali sebagai Lembaga Akreditasi (LAN).

Agensi ini adalah satu-satunya badan penguatkuasaan akreditasi untuk semua program pendidikan tinggi di negara ini.

MQA berfungsi memeriksa kualiti program yang ditawarkan oleh kedua-dua institusi pendidikan tinggi awam dan swasta di samping menghasilkan graduan cemerlang bagi memenuhi keperluan pasukan pekerja berkemahiran.

Pertukaran nama daripada LAN kepada MQA sudah semestinya meningkatkan lagi tanggungjawab agensi ini.

Selaras dengan fungsinya, MQA memperkenalkan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) sebagai asas untuk jaminan kualiti pendidikan tinggi. Ia bertindak sebagai rujukan pematuhan piawaian kelayakan kebangsaan.

Sebelum pertukaran nama daripada LAN kepada MQA, kelayakan MQF yang mengandungi lapan peringkat belum dilaksanakan.

Agensi ini melaksanakan MQF sebagai mekanisme sistematik yang menetapkan kelayakan berdasarkan pencapaian, jam kredit serta masa belajar pelajar,

Kerangka ini dibangunkan untuk memastikan kelayakan akademik Malaysia mempunyai piawaian yang sama.

Ia juga memudahkan pengiktirafan kelayakan di samping membantu pengurusan Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) yang bertindak sebagai Daftar semua kelayakan serta program yang diakreditasi.

PENTING UNTUK TARAF PENDIDIKAN

Bagi Malaysia, penubuhan MQA menunjukkan perkembangan pertumbuhan yang lebih kukuh dalam program akademik dan pendidikan tinggi profesional.

Dengan mematuhi serta melaksanakan langkah kawalan kualiti untuk program akademik serta profesional yang ditawarkan oleh institusi pendidikan tinggi di

Malaysia, ia mewujudkan tanda aras ke arah sistem serta kualiti pendidikan di

negara ini.

Sebagai agensi tunggal yang menjamin kualiti pendidikan tinggi di Malaysia,

MQA menjadi tuggak menjadikan negara ini hab pendidikan di rantau Asia.

AKREDITASI MQA

Perkembangan pesat dalam bidang akademik serta hasrat menjadikan Malaysia hab pendidikan sudah tentunya mencetuskan juga kesan sampingan yang tidak diingini.

Memandangkan begitu banyak program yang ditawarkan sepanjang tahun, ada juga

pihak yang cuba mengambil kesempatan dengan menawarkan program yang tidak memperolehi akreditasi MQA.

Dalam sesetengah kes, terdapat program yang ditawarkan sebelum mendapat akreditasi yang diwajibkan oleh pihak kementerian.

Sehubungan dengan itu, adalah penting untuk pelajar memastikan program yang diambil mempunyai akreditasi.

Ini penting bagi menjamin pelajar yang menamatkan program yang diambil akan

memperolehi sijil, diploma atau ijazah yang memenuhi piawaian kualiti serta kriteria kualiti yang ditetapkan MQA dan mematuhi keperluan MQF.

Orang ramai juga diingatkan supaya memberi perhatian kepada satu lagi aspek

penting akreditasi iaitu permohonan pekerjaan untuk agensi kerajaan memerlukan

permohon mengambil program yang mempunyai akreditasi MOA.

MQA mempelawa pihak yang berminat seperti ibu bapa, pelajar atau orang dewasa yang mencari peluang melanjutkan pelajaran berjumpa dengan pegawainya bagi mendapatkan maklumat yang tepat.

Pegawai perunding MQA bertugas setiap hari Khamis di pejabatnya yang terletak di Menara PKNS-PJ, Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya.

Mereka juga boleh melayari laman sesawang MQA, <http://www.mqa.gov.my/>.

-- BERNAMA

NIZAN PR MMA CR